



SITI SURIAWATI

Populararkan sajian warisan di luar negara

MUTAKHIR ini, pelancongan berasaskan makanan atau gastronomi telah menjadi pilihan kebanyakan pelancong untuk melawat ke sesuatu kawasan.

Ramai antara kita sanggup memandu jauh atau terbang ke negara lain semata-mata ingin menikmati keunikan makanan di sesuatu tempat.

Pensyarah di Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa berkata, pelancongan gastronomi boleh menjadi satu tarikan pelancong untuk ke sesuatu tempat atau negara.

Menurutnya, makanan tradisi seperti nasi lemak merupakan antara sajian tradisi Malaysia yang telah berjaya mendapat tempat dalam kalangan pelancong luar sejak beberapa tahun lalu.

"Ia mampu bersaing dengan makanan antarabangsa lain dan berjaya diterima baik oleh semua lapisan bangsa serta masyarakat.

"Apabila ada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara menjual makanan tradisi seperti nasi lemak, ia dapat mempromosikan negara kita secara tidak langsung," katanya.

Tambahnya, pelancong asing juga akan berminat untuk mencuba makanan lain dari Malaysia dan akhirnya timbul keinginan untuk melawat negara ini jika diberi kesempatan.

Mengulas lanjut, Siti Suriawati menjelaskan, pelancongan gastronomi telah mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong.

Sebagai contoh, ramai pelancong Malaysia yang melawat Korea Selatan kerana menggemari makanan negara itu seperti kimchi.

"Jadi, perniagaan nasi lemak yang diusahakan oleh rakyat kita di China telah membantu mempromosikan Malaysia kepada pelancong di China," jelasnya.